

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	09 APRIL 2017

# Umat Islam makin bersatu: PM

BH-9/4/2017

➔ Kerajaan perkukuh hubungan, agih pembangunan secara-saksama

Oleh Nazura Ngah  
nazura\_ngah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak menegaskan di bawah kepeimpinannya, umat Islam di negara ini yang dahulunya berpecah-belah akibat perbezaan fahaman politik sudah mampu bekerjasama dan bersatu padu.

Tanpa merujuk kepada mana-mana pemimpin, Perdana Menteri berkata, selain perpecahan, ada pemimpin yang membantutkan pembangunan di negeri tertentu kerana berbeza fahaman politik.

"Alhamdulillah, realiti semasa sudah berubah. Umat Islam di Malaysia sudah bekerjasama dan bersatu dalam memastikan kebajikan umat Islam dan kesucian agama terus dipelihara.

## Tiada negeri dipinggirkan

"Dari segi pembangunan pula, tiada negeri yang ditinggalkan. Contohnya, dalam merangka projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Kelantan di bawah pentadbiran PAS akan turut menerima manfaat pembangunan apabila stesen terakhir akan terletak di Pengkalan Kubor, Tumpat," katanya menerusi blog rasmi Perdana Menteri, NajibRazak.com, semalam.

Najib menegaskan konsep wasatiyyah, keadilan sosial dan kesaksa-

## Fakta nombor

**RM50 JUTA**

peruntukan kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan Sekolah Pondok berdaftar diumumkan pada Bajet 2017

**RM30 JUTA**

peruntukan bagi menyelaras pendidikan tahfiz melalui Dasar Tahfiz Negara

maan dalam pentadbiran dan hal ehwal politik akan terus menjadi pegangannya selagi beliau menjadi Perdana Menteri.

Katanya, pendekatan wasatiyyah diguna pakai kerajaan menarik minat banyak pihak dan menjadikan Malaysia sebuah negara Islam progresif di mata dunia, selain pengiktirafan antarabangsa dalam usaha memerangi keganasan yang kononnya berlandaskan Islam.


"Contohnya, ketika lawatan saya ke India, baru-baru ini, Perdana Menteri, Narendra Modi, menyatakan minat dalam pelan deradikalisasi Malaysia.

"Suara kita turut didengari apabila kita membantah kekejaman terhadap etnik Rohingya di Myanmar. Ulama terkenal seperti Mufti Ismail Musa Menk juga menyokong usaha Malaysia dalam menyebarkan Islam yang berpaksikan kesederhanaan dan kasih sayang," katanya.

Dalam pada itu, Najib terus menyatakan komitmen kerajaan untuk terus mendukung Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan Islam adalah agama bagi Persekutuan dengan agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai.

Katanya, banyak yang sudah dilaksanakan kerajaan untuk memastikan Islam terus berkembang dan kebajikan umatnya dipelihara, termasuk menyalurkan peruntukan, masing-masing RM50 juta kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan Sekolah Pondok yang berdaftar seperti diumumkan dalam Bajet 2017.

Beliau berkata, kerajaan turut memperuntukkan RM30 juta bagi menyelaraskan pendidikan tahfiz melalui Dasar Tahfiz Negara ke arah memastikan institusi pendidikan tahfiz al-Quran terus subur dan berkembang.



Alhamdulillah, realiti semasa sudah berubah. Umat Islam di-Malaysia sudah bekerjasama dan bersatu dalam memastikan kebajikan umat Islam dan kesucian agama terus dipelihara"

Najib Razak,  
Perdana Menteri

Katanya, kerajaan menyedari pendidikan al-Quran dan tahfiz al-Quran adalah ramuan signifikan dalam memelihara Islam, sekali gus menolak tohmahan dan fitnah golongan ekstremis terhadap Islam.

"Ini juga adalah salah satu cara kerajaan untuk memastikan fahaman ekstremis tidak menular di Malaysia.

## Sumber tenaga manusia holistik

"Ini sejajar dengan visi saya untuk membina sumber tenaga manusia yang holistik, bukan sahaja berkebolehan dari segi akademik tetapi berkeupayaan dalam pelbagai aspek, termasuk ketakwaan dan jati diri

seperti dituntut oleh Islam," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, perjalanan memartabatkan Islam masih jauh dan perlu banyak usaha dalam memastikan Malaysia terus menjadi negara Islam yang moden dan progresif.

Katanya, ia bukan satu kerja yang mudah kerana Malaysia adalah negara berbilang kaum dan agama.

"Nescaya, sensitiviti antara kaum haruslah diambil kira dalam pengubalan apa-apa dasar demi memelihara keamanan negara. Insya-Allah, dengan berkat-Nya, usaha kita untuk terus mendukung Islam akan terus dirahmati," katanya.